

13/02/2003

PM tentukan pemilihan Ketua Menteri baru

KUALA LUMPUR: Jawatan Ketua Menteri Sabah akan ditentukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Shafie Apdal.

Beliau yakin proses penggantian jawatan Ketua Menteri berkenaan akan berjalan lancar mengikut sistem giliran yang diamalkan sejak 1994.

"Pelantikan jawatan Ketua Menteri Sabah mengikut sistem giliran kali ini akan berjalan lancar seperti yang dirancang kerana musim ini giliran Umno pula," katanya ketika ditanya mengenai perkara itu, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Dr Mahathir kelmarin yang mengumumkan Umno akan mengisi jawatan Ketua Menteri Sabah selepas tempoh penyandangannya sekarang, Datuk Chong Kah Kiat, berakhir 27 Mac ini mengikut sistem penggiliran yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak menyatakan siapa pemimpin Umno yang akan mengisi jawatan itu dan bila pelantikan itu akan diumumkan.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang diilhamkan Dr Mahathir, diperkenalkan pada 1994 bertujuan memberi peluang kepada pemimpin tiga kelompok masyarakat utama, Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam - menerajui kerajaan negeri secara bergilir setiap dua tahun.

Antara pemimpin Umno Sabah yang disebut-sebut memegang jawatan Ketua Menteri adalah Pengerusi Perhubungan Umno Negeri, Datuk Musa Aman dan Timbalan Ketua Menteri Sabah yang juga ahli MT, Datuk Lajim Ukin.

Chong adalah Ketua Menteri ke-13 dan Ketua Menteri keenam mengikut sistem giliran selepas Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Mohd Salleh Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Osu Sukam.

Ia bagaimanapun diubah sesuai sedikit dua tahun lalu dengan memberi peluang dua penggal kepada pemimpin Umno bagi setiap penggal berbanding hanya sepenggal bagi pemimpin Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Shafie berkata, semua pemimpin dan ahli Umno perlu mengukuhkan kekuatan parti dengan mendekati diri kepada rakyat.

"Kalau jawatan itu (Ketua Menteri) menjadi perhitungan dan perkiraan pemimpin Umno, parti ini tidak akan ke mana. Pemimpin Umno perlu memastikan parti ini mempunyai pengaruh kuasa, kerana jika kita berpaut dan berpegang dengan niat itu, Umno akan semakin kuat," katanya.